



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SIARAN MEDIA

MEDAC MENYAMBUT BAIK PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) BAGI MEMBANTU PKS

PUTRAJAYA, 18 JANUARI 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri mengenai Pakej PERMAI yang berfokus kepada matlamat ketiga iaitu **Menyokong Kelangsungan Perniagaan**. MEDAC menyambut baik pakej bantuan berkenaan untuk membantu perniagaan Mikro dan PKS yang terjejas seperti berikut:

1. GERAN KHAS PRIHATIN TAMBAHAN (GKP) SEBANYAK RM650 JUTA

GKP tambahan ini akan memberikan manfaat kepada **500 ribu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** di tujuh buah negeri yang terlibat dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mendapat bayaran sebanyak **RM1,000**. Manakala sebanyak **300 ribu PKS** di negeri selain PKP akan menerima sebanyak **RM500**. Perluasan inisiatif GKP tambahan ini diharapkan akan dapat membantu para usahawan yang terjejas dalam situasi semasa Pandemik COVID-19 untuk menjalankan operasi perniagaan mereka.

2. MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN SKIM MIKROKREDIT BAGI MEMBANTU PERUSAHAAN MIKRO DAN PKS

Pelaksanaan skim-skim mikrokredit yang akan dipercepatkan sepertimana yang pernah diumumkan sebelum ini juga diharapkan dapat membantu kelangsungan perniagaan bagi sektor Mikro dan juga PKS. Sejumlah **RM1 bilion** kemudahan mikrokredit disediakan yang merangkumi pinjaman mudah berjumlah RM390 juta oleh Bank Simpanan Nasional, RM350 juta oleh Agrobank dan **RM295 juta oleh TEKUN**.

3. MENYOKONG DAN MERANCAKKAN PERNIAGAAN MELALUI PLATFORM e-DAGANG

MEDAC amat prihatin terhadap impak dan kesan penularan COVID-19 ke atas usahawan Mikro dan PKS serta golongan usahawan berstatus Informal. Dengan peruntukan **sebanyak RM300 juta** bagi tujuan pelaksanaan Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro serta kempen *Shop Malaysia Online* yang diumumkan ianya diharapkan dapat membantu mereka yang ingin menceburi perniagaan secara 'online' mendapat bimbingan yang sewajarnya.

MEDAC yakin dan percaya bahawa dengan pengumuman pakej PERMAI oleh YAB Perdana Menteri ini, ianya dapat memberikan kelegaan kepada para usahawan terutama mereka yang berada dalam sektor Mikro dan PKS. Pengumuman ini juga adalah sebagai salah satu usaha pihak Kerajaan untuk membantu para usahawan berhadapan situasi yang penuh mencabar ini.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
18 JANUARI 2021